

Headline	Jumlah kes HIV, Aids menurun		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	31 Oct 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	217 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,520
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,560



## Jumlah kes HIV, Aids menurun

FELDA SEBERTAK - Jumlah kes yang membabitkan virus HIV dan Aids yang direkodkan di daerah ini menunjukkan trend penurunan.

Pegawai Kesihatan Daerah, Dr Azuwa Arif berkata, sebanyak 172 kes melibatkan pesakit dijangkiti virus HIV manakala 36 kes pula disahkan mengidap Aids bermula dari tahun 2000 hingga kini.

"Pada tahun lepas, terdapat lapan kes yang dilaporkan berbanding empat kes pada tahun ini (sehingga September). Angka ini menunjukkan penurunan tetapi kita tidak boleh pandang mudah.

"Pencegahan dan pemantauan perlu dilakukan secara berterusan supaya HIV dan Aids ini dapat dikurangkan, agar dapat membentuk kesejahteraan keluarga dan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Sambutan Hari Aids Sedunia Peringkat Daerah, di Dewan Semai Bakti, yang dirasmikan oleh Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas negeri, Datuk



Norol Azali beramah mesra dengan kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah yang melakukan pameran pada program tersebut.

Norol Azali Sulaiman, di sini.

Menurut Dr Azuwa, berdasarkan penyelidikan dan pemantauan, pihaknya mendapati jangkitan virus HIV menerusi suntikan jarum (dalam kalangan penagih dadah) semakin berkurangan berikutan beberapa program yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan pihak berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, jangkitan menerusi hubungan seks menunjukkan peningkatan berikutan gaya hidup masa kini yang terlalu bebas dan tidak mengikut batas-batas

yang ditentukan dalam agama.

"Hanya kerana gaya hidup sekarang ini, tidak dinafikan, ada di kalangan wanita atau remaja perempuan yang hamil tanpa ikatan sah dan ini boleh mendorong kepada peningkatan kes HIV/AIDS."

"Oleh itu, kita perlu mencegah perkara-perkara tidak bermoral ini, seharusnya berpegang kepada agama terutamanya bagi yang beragama Islam. Jauhi zina...insya-ALLAH, perkara-perkara ini dapat dicegah," katanya.